

**KAJIAN MENGENAI SESI PENDIDIKAN PENGGUNA YANG DIANJURKAN OLEH
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR): KEBERKESANANNYA TERHADAP
PELAJAR TAHUN SATU FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

OLEH:

**MOHD FIRDHAUS BIN YUSUF
(99101641 / IS 223 / 07)**

**SATU PROJEK PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA UiTM SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS PENGAJIAN MAKLUMAT
(PENGURUSAN PUSAT SUMBER MAKLUMAT)**

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM SELANGOR
OKTOBER 2002**

MUTIARA KATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ...

Alhamdullilah Syukur saya ke hadrat Allah (الله) S.W.T kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat saya menyiapkan kajian ilmiah yang diberikan ini dengan sempurna.

Ribuan terima kasih ditujukan kepada **Pn. Dang Merduwati Bt. Hashim** selaku penyelia bagi penyelidikan ilmiah saya. Beliau banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dalam menyelesaikan dan mengemaskinikan penyelidikan ilmiah saya ini. Tidak lupa juga kepada **Prof. Madya Hj. Saidina Omar Bin Samsuri** di atas tunjuk ajar dan nasihat beliau kepada saya selama ini, kerana selaku Koordinator IS 223 beliau banyak memberi tunjuk ajar kepada anak buahnya dan bimbingan beliau dalam menjayakan penyelidikan ilmiah ini.

Seterusnya, buat ibu saya yang tercinta **Zainab Bt. Awang** yang tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan saya serta turut memberikan dorongan dan galakan agar saya terus berjaya dalam pelajaran. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga anakanda ucapan kerana memberi semangat kepada anakanda untuk terus berjuang menuntut ilmu selagi hayat dikandung badan. Kata perangsang Bonda sentiasa menjadi pegangan anakanda sehingga mencapai matlamat dalam hidup ini. Begitu juga dengan seluruh keluarga yang turut memberi dorongan. Jasamu semua pasti anakanda tidak akan lupakan.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada Insan Teristimewa yang selama ini menjadi sumber inspirasi saya dan dorongan yang telah beliau curahkan. Walaupun berjauhan namun beliau tetap memberikan dorongan untuk memperolehi kejayaan, sedikit sebanyak dapat menguatkan lagi semangat untuk terus berjaya dalam kehidupan. Tidak lupa juga diucapkan kepada orang-perseorangan serta kawan-kawan yang turut membantu terutamanya **Ustaz Yie, Wady, Din, Jhono, Pok jatt** dan juga pelajar-pelajar semester 06 yang lain. Atas kerjasama serta dorongan yang diberikan kepada saya maka terhasillah kerja ilmiah ini dengan jayanya. Sekali lagi diucapkan jutaan terima kasih semoga kerjasama dan dorongan yang anda berikan diberkati oleh Allah (ﷻ) S.W.T. dan segala budi baik kalian hanya Allah yang boleh membalasnya. Amin.....

'Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah s.w.t. dan yang lemah itu datangnya dari kelemahan diri sendiri'

.....**وَالسَّلَامُ**.....

Sekian, terima kasih.. wassalam.

Penyelidik,

Mohd Firdhaus Bin Yusuf

99101641 / IS 223 / 07

Oktober 2002.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Mutiara kata	i
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	viii
Abstrak	x

BAB 1: PENGENALAN & LATAR BELAKANG**MUKA SURAT**

1.1 Pengenalan Penyelidikan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3 Penyataan Masalah	3-4
1.4 Objektif Penyelidikan	5
1.5 Signifikan Penyelidikan.	5-6
1.6 Batasan Penyelidikan.	6
1.7 Persoalan Penyelidikan.	7
1.8 Definisi Istilah	8-9

ABSTRAK

Penyelidikan ilmiah ini akan membincangkan tentang keberkesanan sesi “pendidikan pengguna” yang dianjurkan oleh PTAR. Secara keseluruhannya, objektif penyelidikan yang akan dijalankan ini adalah bagi melihat tahap penggunaan sumber perpustakaan dengan betul dan berkesan dan mengetahui sejauh manakah sesi pendidikan pengguna ini berkesan dalam mempertingkatkan kemahiran pencarian maklumat oleh pelajar di PTAR. Kajian ini dilakukan dengan mendapatkan 50 orang yang terdiri dikalangan pelajar tahun satu Fakulti Pengajian Maklumat Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Di antara cadangan yang disarankan oleh penyelidik adalah pihak perpustakaan perlu mengkaji setiap aspek kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam sesi pendidikan pengguna yang sedia ada bagi mempertingkatkan serta memperkuuh program pendidikan pengguna yang akan dijalankan oleh PTAR pada masa akan datang. Penyelidik telah mendapati bahawa program pendidikan pengguna yang disediakan oleh pihak PTAR tidak mencapai objektif atau sasarnya, pihak yang terlibat dalam menyediakan program pendidikan pengguna kepada para pelajar ini seharusnya mempunyai suatu pendekatan yang sistematik dan konsisten bagi memastikan setiap sumber yang terdapat di perpustakaan dapat dimanfaat sepenuhnya oleh para pelajar. Kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam proses pencarian atau pengaksesan maklumat merupakan sebagai satu asas penting kepada para pelajar di pusat pengajian tinggi untuk mempertingkatkan penguasaan mereka sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik.